

Gabungkan ayat-ayat tunggal di bawah supaya menjadi **satu** ayat majmuk. Tulis jawapan anda pada ruang jawapan yang disediakan.

- (i) Danisha berjaya mendapat 8A dalam Pentaksiran Tingkatan 3.
Danisha rajin menelaah pelajarannya dengan bantuan guru dan rakan-rakannya.

- (ii) Zamry telah ditawarkan biasiswa untuk melanjutkan pengajian ke peringkat Ijazah Sarjana Pendidikan di Universiti Malaya.
Joseph telah dianugerahkan biasiswa untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat Ijazah Sarjana Pendidikan di Universiti Malaya.

- (iii) Siti pandai menjahit manik pelbagai corak di atas baju kurung pelanggannya.
Siti telah membeli beberapa koleksi buku menjahit manik semasa pesta buku di Kuala Lumpur.

- (iv) Guru kelas menyuruh murid-muridnya membersihkan kelas sebelum balik hari ini.
Guru bertugas pada minggu tersebut akan memeriksa kebersihan kelas.

- (v) Juila masih tidak menghantar kerja kursus Geografinya.
Cikgu Fatimah, guru Geografi telah memberi peringatan terakhir kepadanya.
